

# **YKN-UMS perkenal pusat dialisis berkonsep holistik**

UB 18.10.17 A5

Oleh SITI AISYAH NARUDIN

KOTA KINABALU: Yayasan Kebajikan Negara (YKN) jalin kerjasama dengan Universiti Malaysia Sabah (UMS) buka pusat dialisis berkonsep holistik.

Pengerusi Lembaga Pemegang Amanah YKN Tan Sri Shahrizat Abdul Jalil berkata, pusat berkenaan dianggap lain daripada yang lain kerana pesakit menerima rawatan secara percuma sepenuhnya.

Menurutnya, konsep holistik ditekankan dalam pengendalian operasi pusat dialisis berkenaan kerana pesakit yang menerima rawatan dipilih daripada golongan yang kurang berkemampuan.

Katanya, selain menerima rawatan dialisis, setiap pesakit turut disediakan makanan dan tempat di dalam pusat itu.

“Setiap pesakit menerima tajaan rawatan berjumlah RM31,200 selama setahun yang ditanggung sepenuhnya oleh YKN.

“Setakat ini, seramai 18 pesakit sudah disaring untuk menjalani rawatan dialisis di pusat ini,” katanya kepada media selepas mengadakan lawatan ke pusat dialisis UMS-YKN, di sini pada Selasa.

Beliau berkata, pusat berkenaan juga antara yang tercanggih bukan sahaja di Sabah malah di Malaysia.

Menurutnya, pusat dialisis itu mula beroperasi sejak 4 September lepas dan setakat ini seramai tiga pesakit sedang menjalani rawatan di situ.

“YKN adalah agensi di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

“Setakat ini, YKN memiliki enam pusat dialisis di seluruh negara dan kita juga memiliki kepakaran dalam bidang rawatan dialisis sejak 30 tahun lalu,” jelasnya.

Sementara itu, Ketua Jabatan Kecemasan dan Trauma Hospital Kuala Lumpur Prof Datuk Seri Dr Abu Hassan Asaari Abdullah berkata, pengambilan pesakit ke pusat itu dijalankan secara saringan.

Langkah berkenaan, bagi memastikan pesakit berkenaan tidak mempunyai masalah penyakit berjangkit atau tidak stabil.

“Kita utamakan golongan yang kurang berkemampuan dan status kewangan keluarga itu juga disaring mengikut kriteria Jabatan Kebajikan.

“Kita memilih pesakit yang tidak mampusupayamerekadapatmenjalani rawatan disamping mendapat perkhidmatan yang holistik di pusat ini.

“Selain itu, pesakit juga diambil dari kawasan yang mempunyai jarak lebih dekat dengan pusat dialisis ini,” katanya.

Pensyarah UMS Prof Madya Dr



**SHAHRIZAT** (tengah) menyampaikan sumbangan kepada salah seorang pesakit yang menjalani rawatan di pusat dialisis UMS-YKN.

Tan Tek Soing berkata, pesakit akan datang sebanyak tiga kali seminggu untuk rawatan.

Menurutnya, terdapat dua sesi rawatan untuk sehari dan setiap sesi melibatkan

sembilan pesakit.

Jika ada permintaan daripada pesakit yang mahu membayar rawatan di pusat itu, pihaknya mungkin akan mempertimbangkan permintaan berkenaan.